

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
[SEKIJANG]

SOALAN :

Tuan Anuar bin Abd Manap minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang dijalankan TNB dalam menurunkan tarif api berdasarkan penurunan harga bahan api dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penetapan tarif elektrik bagi pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung adalah berdasarkan kerangka *Incentive – Based Regulation* (IBR), dengan izin. Dibawah pendekatan IBR, terdapat mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, dimana sebarang pengurangan atau peningkatan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan bekalan elektrik akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan. Oleh yang demikian, TNB tidak mempunyai kuasa penuh ke atas penetapan tarif elektrik, sebaliknya ianya akan ditentukan oleh Kerajaan berdasarkan mekanisme sedia ada.

2. Walau bagaimanapun, pihak TNB dan pihak penjana-penjana bebas boleh membantu mengurangkan kadar tarif elektrik dengan meningkatkan tahap kecekapan loji-loji janakuasanya khususnya loji berasaskan arang batu. Ini kerana harga arang batu semasa yang digunakan untuk menjana elektrik adalah lebih rendah berbanding harga tanda aras (*baseline price*), dengan izin, sebanyak USD 87.50/tan yang telah digunakan untuk menetapkan tariff TNB mulai 1 Januari 2014.

3. Hasil kecekapan tersebut telah diterjemahkan dalam bentuk penjimatan sebanyak RM726.99 juta yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini iaitu dalam bentuk pengurangan bil elektrik pengguna sebanyak 2.25 sen/kWj di Semenanjung bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015. Keputusan ini akan melibatkan semua pengguna domestik dalam lingkungan penggunaan melebihi 300kWj sebulan dan semua pengguna-pengguna komersial dan industri. Penurunan ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna melalui bil elektrik yang lebih rendah berdasarkan penggunaan elektrik semasa.

4. Dalam hubungan ini, pengurangan bil elektrik menerusi semakan ICPT di Semenanjung telah membuktikan ketelusan Kerajaan dalam memastikan bekalan elektrik dapat dinikmati oleh rakyat berdasarkan kos sebenar. Komitmen ini membuktikan Kerajaan amat prihatin untuk meringankan beban dan kos sara hidup rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD.
MANAP
(SEKIJANG)**

SOALAN : 116

Mohon **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan terkini kajian terhadap gred gaji Penyelia KEMAS S17 yang rendah berbanding guru KEMAS S27. Perbezaan gred ini menyukarkan proses penyeliaan oleh Penyelia terhadap guru-guru KEMAS.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Cadangan penstrukturan semula kakitangan kontrak KEMAS telah di peringkat akhir sebelum dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selewat-lewatnya akhir bulan Mac 2015.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
DARIPADA [SEKIJANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tahap pencapaian PT3 melalui peralihan daripada PMR sebelum ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara asasnya, skop Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) masih sama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) di mana ia berbentuk pentaksiran sumatif iaitu mengukur penguasaan intelek murid secara menyeluruh di peringkat menengah rendah. Namun, beberapa instrumen seperti ujian lisan misalnya diperkukuhkan dalam PT3 untuk memastikan murid bukan sahaja menguasai mata pelajaran terbabit secara bertulis malah secara lisan. Pelbagai instrumen pentaksiran lain seperti kajian kes/lapangan turut digunakan supaya murid benar-benar menguasai aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi mata pelajaran yang dipelajari.

Langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan pencapaian PT3 ialah:

- (i) Penyediaan brosur yang komprehensif dan mudah difahami;
- (ii) Pemilihan sekolah mentor;

- (iii) Program permuafakatan dengan bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan lain-lain pihak yang berkepentingan;
- (iv) Program jerayawara dan bicarawara bersama guru, PIBG dan masyarakat; dan
- (v) Hebahan melalui temubual dalam program bual bicara di televisyen dalam kalangan pentadbir sekolah, guru, ibu-bapa dan tokoh akademik.